

Presiden, timbalan tidak ditanding

Pendirian MT tidak berubah

BH 29 FEB 2000

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Hassan Omar

ALOR STAR. Isnin – Majlis Tertinggi (MT) Umno tetap dengan pendiriannya supaya tidak ada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, majoriti ahli termasuk pada peringkat akar umbi, bersetuju dengan pendirian MT supaya tidak ada pertandingan untuk kedua-dua jawatan itu bagi mengelak perpecahan.

Majoriti setuju tidak ada pertandingan tetapi ada juga yang berpendapat sebaliknya.

“MT tetap dengan pendiriannya iaitu pertandingan tidak sihat bagi parti dan kepentingan parti. Sebaliknya parti lebih selamat jika tidak ada pertandingan,” katanya pada sidang akhbar selepas lawatan sehari ke kawasan Parlimen Kubang Pasu, hari ini.

Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu ditanya mengenai pelbagai pandangan berhubung nasihat MT supaya tidak ada pertandingan untuk kedua-dua jawatan itu bagi mengelak perpecahan seperti berlaku pada 1987.

Ditanya sama ada beliau mempunyai bukti majoriti ahli Umno, khususnya pada peringkat akar umbi menyokong pendirian itu, Dr Mahathir berkata sebagai Presiden parti, beliau menerima

banyak maklum balas yang memberikan sokongan.

Mengenai kemungkinan maklum balas itu hanya daripada ketua-ketua bahagian dan kepemimpinan peringkat tertinggi saja, Dr Mahathir berkata:

“Sayapresiden Umno...dia orang (ahli) datang dan cakap. Yang saya dengar melalui orang lain tak ramai (yang tidak menyokong). Akar umbi pun begitu dan saya yakin akar umbi juga sokong.”

Beliau juga berkata, Umno akan menganjurkan kursus untuk ahlinya, terutama ahli baru dan golongan muda mengenai perjuangan asal parti bagi kepentingan agama, bangsa dan negara.

“Ahli Umno akan diberi kursus pembaharuan supaya kembali kepada perjuangan asal untuk agama bangsa dan negara. Bukan kepada seseorang. Kesetiaan pada orang tertentu bukan jadi perjuangan Umno.

“Kita nak balik kepada perjuangan asal. Tidak ambil kira siapa yang jadi calon, jika dia boleh berjuang untuk agama, bangsa dan tanah air melalui Umno, maka dia akan disokong,” katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno juga perlu membawa kembali masyarakat Islam kepada ajaran Islam sebenar yang tidak membenci seseorang tanpa sebab dan tidak

mudah terpengaruh dengan fitnah.

Langkah itu, katanya, perlu bagi membendung usaha parti pembangkang mempengaruhi masyarakat Melayu dengan fitnah kononnya pemimpin kerajaan dan Umno sebagai fasik.

“Pembangkang mempengaruhi rakyat supaya tidak bersyukur dan berterima kasih sehingga khidmat yang disumbangkan oleh Umno untuk mereka tidak lagi dihargai. Tindakan pembangkang itu perlu dihapuskan supaya ia tidak menjejaskan agama dan umat Islam,” katanya.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai pertemuannya dengan pemimpin Umno yang tewas dan tidak dicalonkan pada pilihan raya lalu setibanya di Alor Star pagi ini.

Dalam hubungan ini, beliau menasihatkan mereka supaya terus berkhidmat kepada Umno yang telah berjasa kepada mereka dan perlu sanggup melaksanakan tugas pemulihan Umno jika dikehendaki.

Mengenai pandangan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam dalam sebuah akhbar supaya pertandingan dibenarkan, Perdana Menteri berkata: “Saya enggan membuat ulasan dan ia adalah pandangan yang tidak membenci seseorang sebagai ‘ejen bebas’ .